Pengenalan: Penyediaan pelan lakar premis adalah dokumentasi wajib bagi merekod susun atur dan lokasi rampasan semasa aktiviti serbuan. Sebelum inovasi, proses ini menimbulkan kekangan ketidakcekapan masa, kerana Pegawai Serbuan (RO) perlu meluangkan 10 hingga 30 minit untuk melatih pegawai baharu, dan hasil lakaran "lukis bebas" pula tidak seragam, tanpa skala, serta berpotensi menimbulkan kekeliruan interpretasi dalam siasatan. Kos untuk menghasilkan sebatang *Pocket Premise Plan Ruler* (PPPR) V3 hanyalah RM0.50. **Objektif:** PPPR V3 dibangunkan bagi mengurangkan pembaziran masa sebanyak 66.7% dalam proses penyediaan pelan lakar serta menjimatkan kos operasi sebanyak RM3,480.00 setahun, berdasarkan anggaran 200 kes serbuan. Melalui penyediaan rujukan bentuk berskala, PPPR V3 turut meningkatkan kecekapan operasi dengan menghasilkan lukisan teknikal yang lebih jelas, seragam dan berkualiti. **Kaedah:** PPPR V3 merupakan inovasi kreatif yang dihasilkan menggunakan mesin cetak 3D dengan bahan *Polyethylene Terephthalate Glycol-modified* (PETG). PPPR V3 menawarkan pelbagai bentuk dan corak berskala, menjadikannya sesuai untuk perabot yang lazim ditemui di pelbagai premis. **Keputusan:** Penggunaan PPPR V3 sejak tahun 2025 telah berjaya mengurangkan masa penyediaan pelan lakar sebanyak 20 minit bagi setiap kes serbuan, di samping menjimatkan kos operasi tahunan sebanyak RM3,045.00 berdasarkan 175 kes serbuan. PPPR V3 turut menyumbang kepada peningkatan kapasiti pasukan aktif sebanyak 33% serta mencapai tahap kepuasan pengguna sebanyak 100%, menunjukkan keberkesanan dan penerimaan yang tinggi dalam kalangan pengguna. **Potensi Pengembangan:** PPPR V3 berpotensi untuk diguna pakai secara meluas, terbukti dengan edaran sampel kepada Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri lain bagi membantu proses serbuan. PPPR V3 juga berpotensi untuk direplikasi ke Jabatan Penguatkuasaan lain, serta digunakan dalam bidang pendidikan dan seni bina. **Kesimpulan:** PPPR V3 merupakan inovasi berimpak tinggi yang terbukti berkesan dalam meningkatkan kecekapan dan produktiviti operasi serbuan.

Kata kunci: *Pocket Premise Plan Ruler* (PPPR) V3, Penguatkuasaan Farmasi, Pelan Lakar, Cetakan 3D, Penjimatan Kos

Q06 SENARAI SEMAK PEMERIKSAAN KENDIRI FARMASI FASILITI AWAM (I-SEPFIA)

Abdullah Qutubuddin Raman¹, Tengku Hamdan Raja Sulaiman¹, Muhammad Syahmi Md Nazir¹, Mohd Arif Muhamad¹, Nur Salwani Rosely¹, Sarmila a/p Vassu¹, Hazirah Hidayah Che Mohamad Azmi¹, Muhammad Azzim Izuddin²

¹Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Kementerian Kesihatan Malaysia

²Cawangan Pengurusan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Pahang, Kementerian Kesihatan Malaysia

Correspondence: qutubuddin@moh.gov.my

ABSTRAK

Pengenalan: Surat Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi pada 5 Julai 2023 menyatakan keperluan ahli farmasi di fasiliti awam memegang lesen Racun Jenis A. Semua 103 premis farmasi di Pahang telah ditetapkan memohon lesen dan pemeriksaan fizikal perlu dijalankan. Faktor geografi menjadikan cabaran logistik dari segi masa, kos dan pengangkutan. Senarai semak premis farmasi sedia ada adalah panjang sebanyak 12 muka surat yang tidak khusus kepada pemeriksaan fasiliti awam. **Objektif:** Memastikan 103 pemeriksaan premis dijalankan dengan kaedah paling efisien, menjimatkan masa, kos dan sumber tenaga serta mewujudkan satu senarai semak yang khusus yang mesra pengguna. **Kaedah:** Senarai Semak Pemeriksaan Kendiri Farmasi Fasiliti Awam (i-SePFiA) mempunyai dua elemen iaitu kaedah pemeriksaan secara kendiri dan penggunaan senarai semak yang khusus. Pemohon mengisi senarai semak melalui *Google Form*. Senarai semak dijana secara automatik melalui e-mel menggunakan *Autocrat* secara percuma dalam format PDF. Kajian kepuasan pelanggan terhadap i-SePFiA dijalankan dari 11/9/2025 hingga 18/9/2025. **Keputusan:** Penjimatan kos operasi (penginapan, elaun harian, makan, servis kenderaan) sebanyak RM24,889.60 (100%) setahun dan penjimatan masa sehingga 1,070 jam (100%). Inisiatif ini meningkatkan produktiviti, mempercepatkan pengeluaran lesen dan membolehkan pegawai pemeriksa memberi fokus kepada aktiviti penguatkuasaan yang lain. 35 pengguna memberi maklum balas 100% bersetuju pemeriksaan kendiri memberikan fleksibiliti masa, 97% mudah diakses dan 91% menjimatkan masa. **Potensi Pengembangan:** 2 elemen dalam i-SePFiA telah diadaptasi oleh BPF KKM melalui Panduan Pemeriksaan Kendiri bagi Premis Lesen Jenis A Fasiliti Kesihatan Awam yang berkuatkuasa 28 Januari 2026. **Kesimpulan:** i-SePFiA dilaksanakan pada 1 Ogos 2025 selaras hasrat kerajaan dalam pendigitalan perkhidmatan awam. Inisiatif ini mendapat sokongan peringkat tertinggi dan telah diintegrasikan dalam proses pengeluaran lesen seluruh negara seterusnya berjaya mengatasi cabaran logistik.

Kata kunci: Adaptasi, Pendigitalan, Panduan, Penjimatan, Pemeriksaan

Q07 MEMANTAPKAN ALIRAN KERJA PASCA KELULUSAN LESEN SISTEM MYPHARMAC 2.0

**Bahirah Borhan, Mohd Fahmi Sahini, Muhammad Fikri Abdul Halim, Nurul Zuhani
Mohamed, Nur Athirah Abdul Rahman, Izzah Alia Mohamad Rosli, Noradrini Abd. Rashid**

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri
Sembilan, Kementerian Kesihatan Malaysia

Correspondence: bahirah@moh.gov.my

ABSTRAK

Pengenalan: Sistem MyPharmaC 2.0 telah mendigitalkan permohonan lesen racun, namun kecekapannya dibatasi oleh aliran kerja pasca kelulusan yang manual. Jurang antara sistem digital dan proses manual meningkatkan tempoh menunggu, sekali gus menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pemohon. **Objektif:** Matlamat utama adalah penghapusan kerja manual berulang dan automasi sistem pemantauan. Langkah ini bukan sahaja mengurangkan masa menunggu pemohon, malah mengoptimumkan sumber manusia dengan mengurangkan beban tugas perkeranian. **Kaedah:** Pendekatan *Value Stream Mapping* (VSM) digunakan untuk mengenal pasti aktiviti yang tiada nilai tambah dalam aliran kerja pasca kelulusan. Beberapa siri *Kaizen* diwujudkan termasuk notifikasi automatik kutipan lesen melalui *Apps Script*, serta penggunaan sistem kutipan lesen berasaskan *Web App* yang turut dilengkapi fungsi notifikasi automatik yang mengesan dan menghantar e-mel peringatan bagi lesen yang tidak dituntut selepas 14 hari, sekali gus menghapuskan keperluan pemantauan manual. **Keputusan:** Inisiatif ini berjaya meningkatkan kecekapan operasi melalui pengurangan 21.4% langkah kerja yang tiada nilai tambah dan penjimatan 33% tenaga kerja daripada 6 kepada 4 orang. Tempoh kitaran dari pasca kelulusan sehingga notifikasi e-mel dipendekkan sebanyak 66.7% iaitu dari 9 kepada 3 hari dengan jaminan 100% ketepatan butiran makluman. Notifikasi automatik menghasilkan sifar keciciran data. Semua automasi ini bukan sahaja mewujudkan jejak audit secara digital tanpa penglibatan manual, malah mencapai 100% penjimatan melalui pelaksanaan sistem tanpa kertas. **Potensi Pengembangan:** Automasi ini berpotensi diadaptasi sebagai model rujukan bagi unit lain yang mempunyai aliran kerja serupa. Cadangan pengembangan masa hadapan supaya integrasi tandatangan digital sekali gus menghapuskan keperluan pencetakan dan kehadiran fizikal. **Kesimpulan:** Automasi ini mempercepat penyampaian perkhidmatan yang telus, mengurangkan tempoh menunggu, dan meningkatkan kepercayaan pelanggan.

Kata kunci: MyPharmaC 2.0, Lesen Racun, *Value Stream Mapping*, Notifikasi Automatik, Kecekapan Operasi

Q08 ADVERTISEMENT VIOLATION REPORT MONITORING SYSTEM

Mohd Izdham Zainal, Loo Shing Chyi, John Ting Sing Chun, Benodict Apok Anak Talin

Pharmacy Enforcement Branch, Pharmaceutical Services Division, Sarawak State Health
Department, Ministry of Health Malaysia

Correspondence: m.izdham@moh.gov.my

ABSTRACT

Introduction: A critical key performance indicator (KPI) (PK1-n2) – the percentage of online medical advertisements that violate enforced laws acted upon within 15 working days – was identified. However, a lack of organisational emphasis, coupled with the absence of robust monitoring and feedback mechanisms, resulted in systemic delays and KPI underachievement. **Objective:** To improve feedback timeliness and achieve KPI targets through a structured monitoring and feedback mechanism. **Method:** A quasi-experimental pre–post study was conducted at the Sarawak State Health Department. Three phases were conducted: pre-intervention (June 2024 – March 2025), intervention (April – June 2025), and post-intervention (July 2025 – March 2026). ERRC (Eliminate, Reduce, Raise, and Create) grid analysis guided process improvements, including a newly developed automated monitoring procedure. Universal sampling of relevant email records was applied. Data were collected using a validated form and analysed using *paired t-tests* ($p < 0.05$). The KPI continued to be monitored. **Results:** Mean notification time from headquarters was reduced from 3.1 to 2.0 days post-intervention, though not statistically significant ($p = 0.489$). However, the study eliminated the risk of delayed report submission. The standard for the KPI was set at $\geq 95\%$. KPI achievement improved from 73.79% (Q1 2025) to 96.71% (Q4 2025), reaching 100% in Q1 2026, with no delays exceeding 15 days. **Next Steps:** Continuous KPI tracking and periodic process audits are recommended. The new workflow should be integrated into existing guidelines. **Conclusion:** The intervention significantly improved communication efficiency, reduced delays, and ensured consistent KPI achievement. This approach offers a sustainable model for enhancing enforcement coordination and performance.

Keywords: Advertisement Violation Report, Monitoring Mechanism, Automated System, ERRC Grid Analysis

Q09 AUTODRAF SIASATAN

Tengku Norfatimah Kartini Tengku Abdul Aziz, Siti Farhanah Mohamad, Syafiqah Zainoddin, Siti Nurul Ain Razali, Sugendiren Segeran

Pharmacy Enforcement Branch, Pharmaceutical Services Division, Federal Territories of Kuala Lumpur and Putrajaya Health Department, Ministry of Health Malaysia

Correspondence: tgnorfatimah@moh.gov.my

ABSTRACT

Introduction: *AutoDraf Siasatan* is a digital tool created by the Kuala Lumpur Pharmacy Enforcement Branch to optimise the investigation papers (IP) drafting and preparation of court documentation. Manual drafting and heavy workloads are among the reasons for inefficient processes and inconsistent IP drafts. **Objective:** To reduce IP drafts preparation time and improve drafting accuracy for enforcement officers handling offences under Regulations 7(1)(a) and 18A(1)(a) of the Control of Drugs and Cosmetics Regulations (CDCR) 1984. **Method:** Developed using Google Sites, Google Form and PerformFlow Google App to digitalise IP drafting and court documents through automated databases and templates. To evaluate the objectives, a comparative analysis was conducted to measure time-savings and draft accuracy was evaluated through a technical validation review comparing digital outputs with historical manual IP drafts. **Results:** Implementation resulted in a 53% reduction in preparation time and a significant increase in technical accuracy with decrease in clerical errors and repetitive corrections contributed to a 24% reduction in review time. **Next Steps:** We are planning to integrate new modules for the Poisons Act 1952 and the Medicines (Advertisement & Sale) Act 1956 to further enhance the efficiency of the platform. This high-impact expansion will transformed *AutoDraf Siasatan* into a comprehensive platform that can be replicated by enforcement branches across the country, ensuring every enforcement officer benefits from a modernised, automated legal workflow. **Conclusion:** *AutoDraf Siasatan* is a milestone in digital transformation which automates complex tasks, optimising officer productivity and ensuring legal accuracy. This innovation aims to safeguard public health through timely and efficient legal action.

Keywords: *AutoDraf Siasatan*, Regulation 7(1)(a) Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984, Regulation 18A(1)(a) Control of Drugs and Cosmetics Regulations 1984, Automation, Digitalisation

Q10 KIT INFORMASI SEMPADAN PERAK (KISPER)

Wan Nashrullah Muhamad, Umadevi a/p Krishna, Muhammad Fuad Idris

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Perak, Kementerian Kesihatan Malaysia

Correspondence: wannashrullah@moh.gov.my

ABSTRAK

Pengenalan: Situasi selepas penahanan bungkus ubat tidak berdaftar dan kosmetik tidak bernotifikasi di Pejabat Pos Besar Ipoh sering mencetuskan ketegangan akibat tahap literasi undang-undang yang rendah dalam kalangan pengimport awam. Kesannya, pengimport sering hadir untuk mendapatkan penjelasan semasa rayuan, mengakibatkan lambakan kes rayuan yang tidak berasas.

Objektif: Kit Informasi Sempadan Perak (KISPer) bertujuan untuk meningkatkan literasi undang-undang pengimportan ubat dan kosmetik, melancarkan proses penyampaian maklumat di pintu masuk Pejabat Pos Besar Ipoh sekali gus mengurangkan kadar rayuan penahanan yang tidak berasas.

Kaedah: KISPer menggunakan pendekatan berpusatkan pengguna melalui risalah mengandungi kod *Quick Response* (QR) pada notis penahanan Kastam yang membawa kepada video penerangan interaktif. Analisis impak dibuat dengan membandingkan data sebelum (Disember 2023 – Januari 2024) dan selepas pelaksanaan (Februari 2025 – Mac 2026). **Keputusan:** Sebanyak 16 maklum balas diterima (nilai tahanan RM11,007) daripada 28 pengimport yang merayu (kadar 57%). Pelaksanaan KISPer berjaya merekodkan penurunan kadar rayuan penahanan pengimportan ubat dan kosmetik sebanyak 20%. Literasi undang-undang terbukti meningkat apabila 75% pengimport mula menyedari pengimportan ubat/kosmetik dikawal selia oleh KKM, dan 56% memahami pengimportan ubat tidak berdaftar / kosmetik tidak bernotifikasi adalah satu kesalahan. Hasilnya, 88% responden menyatakan video penerangan akan mempengaruhi keputusan pengimportan mereka pada masa hadapan. **Potensi Pengembangan:** Konsep inovasi ini berpotensi dijadikan model rujukan untuk diadaptasi oleh CPF di negeri-negeri lain. Penambahbaikan masa hadapan merangkumi penambahan sari kata pelbagai bahasa dan penyesuaian kandungan video mengikut negeri, dan fasiliti pintu masuk selain pos. **Kesimpulan:** KISPer merupakan satu intervensi strategik, komprehensif dan berimpak tinggi berdasarkan kejayaannya mendidik pengimport secara proaktif, mengurangkan kadar rayuan penahanan yang tidak berasas, dan berpotensi mengelakkan kerugian kewangan rakyat.

Kata kunci: Parcel, Kastam, Penguatkuasaan, Ubat, Kempen

Q11 FOTOFIX

Mohammad Fikkiruddin Jamsari, Mardhiah Amiruddin, Mohd Sallehudin Zainal, Ruzita Katap, Mohd Hafiz Abdull Seddek, Muhammad Zakky Khairudin, Izzul Syazwan Shuib, Rosdi Md Zin

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Kementerian Kesihatan Malaysia

Correspondence: mardhiah@moh.gov.my

ABSTRAK

Pengenalan: FotoFIX merupakan sistem pengumpulan data gambar serbuan bersepadu bagi menambah baik pengurusan gambar serbuan dan dokumentasi siasatan di Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri Melaka. Sebelum ini, proses manual dan penggunaan pelbagai medium penyimpanan menyebabkan dokumentasi tidak seragam, memakan masa serta berisiko kepada kesilapan manusia, sekali gus menjejaskan kecekapan pengurusan dan integriti bukti digital untuk siasatan dan prosiding mahkamah. **Objektif:** Meningkatkan kecekapan penyediaan dokumentasi gambar serbuan, memastikan keseragaman dan ketepatan data, mengurangkan kesilapan manusia melalui automasi sistem serta membantu pematuhan kepada Garis Panduan Pengendalian Gambar dan Kamera Digital. **Kaedah:** FotoFIX dibangunkan menggunakan ekosistem *Google Workspace* melalui integrasi *Google Form*, *Google Sheets*, *Google Drive* dan *Apps Script*. Pendekatan “*single entry*” membolehkan 13 elemen diisi sekali sahaja, seterusnya data diproses dan dijana secara automatik untuk menghasilkan dokumen seperti Perakuan 90A, Diari *Raiding Officer* (RO)/*Assistant Raiding Officer* (ARO), Akuan Terima dan Daftar Penyalinan dalam satu platform bersepadu yang lebih pantas, efisien dan sistematik. **Keputusan:** Pelaksanaan FotoFIX berjaya mengurangkan masa pengurusan gambar serbuan sehingga 83% daripada purata 178 minit kepada purata 31 minit. Kelengkapan maklumat meningkat daripada 55% kepada 100% manakala pematuhan *Standard Operating Procedure* (SOP) turut mencapai 100%. Semua dokumen seperti Perakuan 90A, Diari RO dan ARO, Akuan Terima serta Daftar Penyalinan dapat dijana secara automatik dan disimpan secara berpusat. Selain itu, tahap kepuasan pengguna turut mencapai 100% kerana sistem ini berjaya memudahkan urusan dokumentasi dan pengurusan gambar serbuan. **Potensi Pengembangan:** Sistem ini berpotensi diperluas ke seluruh Cawangan Penguatkuasaan Farmasi di Malaysia kerana SOP yang seragam, serta tidak melibatkan kos tambahan dan mudah dilaksanakan menggunakan platform Google sedia ada. **Kesimpulan:** FotoFIX merupakan inovasi digital berimpak tinggi yang meningkatkan kecekapan, ketepatan dan integriti pengurusan dokumentasi gambar serbuan.

Kata kunci: FotoFIX, *Single entry*, Gambar Serbuan, Automasi, *Google Workspace*

Q12 MEDEL (MELAKA PHARMACY ENFORCEMENT DEVICE LOG)

Aizam Ekhmal Esahak Ayub, Mohammad Fikkiruddin Jamsari, Norhasniza Mohamad, Rosdi Md Zin

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, Kementerian Kesihatan Malaysia

Correspondence: aizamekmal@moh.gov.my

ABSTRAK

Pengenalan: *Melaka Pharmacy Enforcement Device Log* (MEDEL) dibangunkan bagi menggantikan pengurusan aset alih secara manual yang berdepan masalah kesukaran menjejak alatan, rekod tidak teratur, dan pertindihan tempahan. Meskipun Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) sedia ada digunakan untuk pendaftaran menyeluruh, ia tidak direka untuk memantau ketersediaan dan pergerakan alatan. MEDEL melengkapkan jurang tersebut melalui pemantauan masa nyata dan carian pantas alatan, kawalan pertindihan tempahan dan pengurusan pinjaman serta penjaan automatik borang KEW.PA-9 (PDF). Inovasi digital berpusat ini berjaya mempercepat penyediaan alatan penguatkuasaan sekali gus meningkatkan kecekapan operasi anggota di lapangan. **Objektif:** Mengautomatiskan proses pinjaman aset alih dan penjaan borang KEW.PA-9. Memfokuskan kepada pencarian alatan dan pengesanan lokasi penyimpanan yang lebih pantas, membasmi pertindihan permohonan pinjaman aset alih melalui semakan masa nyata, memudahkan pemantauan penyelenggaraan, serta meningkatkan keselamatan inventori menerusi kawalan akses berperingkat. **Kaedah:** Dibangunkan menggunakan *Google Workspace (Apps Script, Sheets, Drive)*. Antara muka mesra pengguna, integrasi notifikasi e-mel automatik, aliran kelulusan berperingkat, dan penjaan dokumen KEW.PA-9. **Keputusan:** Pengisian borang kini 100% bawah 5 minit (berbanding 5–10 minit sebelum ini). 100% pengguna bersetuju status masa nyata dan bergambar memudahkan permohonan, sifar pertindihan tempahan. Sistem troli membolehkan pinjaman serentak (92.3%). Notifikasi e-mel automatik melicinkan proses kerja (92.3%). Penjaan automatik borang KEW.PA-9 meningkatkan produktiviti (92.3%). **Potensi Pengembangan:** Sistem berpotensi diperluaskan ke semua Cawangan Penguatkuasaan Farmasi Negeri lain dan pengurusan aset alih di fasiliti kerajaan. Perancangan akan datang adalah integrasi teknologi imbasan kod *Quick Response* (QR) untuk mempercepatkan lagi proses pendaftaran, serahan, dan pemulangan aset. **Kesimpulan:** Pelaksanaan MEDEL berjaya menyelesaikan masalah tadbir urus aset secara kos efektif, mengukuhkan integriti pemantauan inventori, dan memupuk persekitaran kerja operasi yang tangkas serta berinovasi tinggi.

Kata kunci: MEDEL, Pengurusan Aset Alih, Automasi Aliran Kerja, *Google Apps Script*

Q13 APLIKASI RE_QU3ST: SATU APLIKASI UNTUK MEMUDAHKAN PROSES PERMOHONAN PENGESAHAN STATUS PENDAFTARAN KELUARAN DAN NOTIFIKASI KOSMETIK

Tee Eng Chun¹, Marina Pilus¹, Solehah Razali¹, Balqis Md Tahir¹, Teh Bei Xuan¹, See Sze Jia¹, Lee Pei Wen¹, Muhd Fahmi Musa¹, Lai Teck Peng²

¹Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Kementerian Kesihatan Malaysia

²Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, Kementerian Kesihatan Malaysia

Correspondence: tehbeixuan@moh.gov.my

ABSTRAK

Pengenalan: Pegawai Penyiasat bertanggungjawab membuat permohonan rasmi pengesahan status pendaftaran Keluaran Tidak Berdaftar (UTB) dan Kosmetik Tidak Bernotifikasi (KTB) kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA). Sebelum inovasi, penyusunan gambar rampasan secara manual membazirkan masa, menghasilkan kualiti gambar kurang jelas, membebankan storan memori telefon, dan penghantaran data ke NPRA melalui *Compact Disc* (CD) tidak cekap serta sering dipulangkan. **Objektif:** Aplikasi RE_QU3ST telah dibangunkan dengan tujuan untuk memperkemas proses penyediaan permohonan rasmi kepada NPRA, menjadikannya lebih cekap, sistematik, dan pantas bagi pegawai CPF. **Kaedah:** Aplikasi RE_QU3ST menggabungkan pengimejan dan pengekstrakan teks. Ia membolehkan pengguna memasukkan data, mengambil gambar produk, dan menyusunnya secara automatik ke dalam folder *Google Drive* dengan pelabelan nama yang tepat. *Gemini* digunakan untuk mengekstrak teks daripada gambar label produk ke Lampiran butir-butiran barang rampasan mengikut format yang ditetapkan oleh NPRA. **Keputusan:** Pelaksanaan RE_QU3ST menjadikan pengurusan siasatan lebih sistematik dan pantas. Semua imej kini disimpan secara berpusat di *Google Drive*. Inovasi ini menjimatkan masa penyediaan dokumen sebanyak 70%, kos pencetakan, tenaga kerja dan pembelian CD sebanyak RM132,800 berdasarkan 200 kes siasatan setahun. Penghantaran data ke NPRA boleh dilaksanakan melalui perkongsian pautan memandangkan penggunaan *Gemini* di *Google Workspace MyGovUC 3.0* adalah terjamin kerana *Gemini* tidak menyimpan dan mengongsi data pengguna. **Potensi Pengembangan:** RE_QU3ST menjamin kelancaran kolaborasi dan komunikasi yang lebih mudah, berkesan, serta selamat antara pasukan operasi, pegawai penyiasat, pegawai pendakwa, serta pihak luar seperti NPRA. Ia berpotensi dikembangkan kepada semua CPF negeri untuk mencapai matlamat sama. **Kesimpulan:** RE_QU3ST berjaya memodenkan proses permohonan rasmi dengan NPRA, memberikan penjimatan masa dan kos yang signifikan, serta meningkatkan kecekapan pengurusan siasatan melalui pendigitalan sepenuhnya.

Kata kunci: RE_QU3ST, Keluaran Tidak Berdaftar (UTB), Kosmetik Tidak Bernotifikasi (KTB), Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), *Gemini*

Q14 IMA-GO: AUTOMASI PENGENDALIAN BUKTI BERGAMBAR UNTUK MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN INTEGRITI DOKUMENTASI SIASATAN PENGUATKUASAAN FARMASI

**Zulkefli Mohamad, Saifullah Al-Mujahidi Mohamad Uda, Muhammad Zainal Ariff Ozeman @
Azeman, Muhammad Nur Shafiq Noor Ismadi, Auni Farhanah Abdul Gafar, Joseph Oyol
Modili**

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri
Sabah, Kementerian Kesihatan Malaysia

Correspondence: zulkeflim@moh.gov.my

ABSTRAK

Pengenalan: Penyediaan dokumen Seksyen 90A Akta Keterangan 1950 adalah penting dalam aktiviti siasatan pelanggaran undang-undang. Kes siasatan jabatan memerlukan proses pengendalian bukti bergambar (bukti dokumentar) yang teliti bagi menjamin kesahihan. Kaedah menggunakan *Word/PowerPoint* yang diguna pakai kini bersifat lembab, berisiko tinggi terhadap kesalahan manusia, dan tidak cekap untuk proses mengurus imej teknikal. **Objektif:** Meningkatkan kecekapan proses pengendalian bukti bergambar. **Kaedah:** Projek ini memperkenalkan penggunaan perisian *IrfanView* untuk mengautomasikan proses penyediaan bukti bergambar yang mematuhi Akta Keterangan 1950. Inovasi ini mentransformasikan proses penyediaan bukti dokumentar melalui pemprosesan kelompok imej (menukar saiz/format), anotasi digital terbenam (cap masa, label, nota teknikal) dan pengurusan bukti melalui satu platform. **Keputusan:** (1) Penjimatan Masa: Penjimatan masa sehingga 87.5% bagi penyediaan dokumen bukti bergambar dengan purata masa berkurangan daripada 40 minit kepada ≤ 5 minit/kes; (2) Pengurangan Ralat: Anotasi piawai mengurangkan risiko kesilapan manusia; (3) Kecekapan Sumber: Alternatif percuma kepada perisian/ langganan berbayar (cth. lesen Microsoft); (4) Kebolehskalaan: Memproses 100+ imej serentak berbanding 10–15 secara manual; dan (5) Pematuhan Audit: Anotasi digital piawai meningkatkan ketahanan rantai keterangan bukti undang-undang, disahkan melalui Audit Dalaman Aktiviti Penguatkuasaan (ADAP) 2025 sebagai amalan baik. **Potensi Pengembangan:** Inovasi ini berpotensi dilaksanakan di semua Cawangan Penguatkuasaan Farmasi (CPF) seluruh Malaysia. Kelayakan replikasi disokong oleh beberapa faktor: perisian *IrfanView* percuma dan tidak memerlukan spesifikasi komputer tinggi. **Kesimpulan:** Penggunaan perisian *IrfanView* dalam pengendalian bukti bergambar menjadikan proses lebih cekap, terutamanya automasi pengurusan bukti gambar dalam pelbagai format dan ukuran.

Kata kunci: *IrfanView*, Automasi, Akta Keterangan, Bukti Bergambar

Q15 STATEMEN+GO

Mohd Azri Mohd Razali, Nik Noor Azan Nik Ismail, Wan Izzati Mariah Wan Hasan, Mohamad Akram Ab Aziz

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, Kementerian Kesihatan Malaysia

Correspondence: akramaziz@moh.gov.my

ABSTRAK

Pengenalan: Penyiasatan merupakan aktiviti penting dalam penguatkuasaan sesuatu undang-undang dan merupakan satu proses untuk mengumpul keterangan atau bahan bukti sama ada secara lisan atau bertulis. Mengambil rakaman percakapan merupakan salah satu aktiviti utama dalam proses penyiasatan. Rakaman percakapan yang lengkap, tepat dan seragam dapat membuktikan elemen pertuduhan dalam proses penyiasatan kes. Masalah timbul apabila wujud ketidakseragaman soalan yang ditanyakan oleh pegawai penguatkuasaan farmasi kepada saksi semasa berada di lapangan kerana kesukaran merujuk kepada kompilasi contoh-contoh soalan dalam garis panduan yang sedia ada. **Objektif:** Objektif utama projek adalah untuk memastikan semua rakaman percakapan yang diambil adalah tepat, lengkap dan mematuhi garis panduan di samping untuk meningkatkan keseragaman soalan yang ditanyakan kepada saksi dan mengurangkan tempoh pengambilan rakaman percakapan. **Kaedah:** *Statemen+GO* disediakan dengan menggunakan platform “*Linktree*” dan “*Heyzine*”. Satu kod *Quick Response* (QR) telah diwujudkan untuk memudahkan capaian ke atas *Statemen+GO* dan pegawai boleh terus mendapatkan kompilasi contoh-contoh soalan rakaman percakapan melalui capaian di telefon pintar masing-masing dengan mengimbas kepada kod QR yang telah diletakkan pada Borang Pernyataan Dalam Pemeriksaan. **Keputusan:** Pelaksanaan inovasi ini sejak tahun 2024 telah meningkatkan tahap ketepatan, kelengkapan, keseragaman dan pematuhan terhadap garis panduan rakaman percakapan sebanyak 83.3%, menghasilkan penjimatan masa mengambil rakaman percakapan sebanyak 40.2% dan kepuasan pengguna sebanyak 100%. **Potensi Pengembangan:** *Statemen+GO* adalah berimpak tinggi dan boleh direplikasikan kerana inovasi ini boleh diperluaskan kepada pegawai Cawangan Penguatkuasaan Farmasi di seluruh negara. **Kesimpulan:** Inovasi ini dapat memastikan semua rakaman percakapan yang diambil adalah tepat, lengkap dan mematuhi garis panduan di samping meningkatkan keseragaman rakaman percakapan yang diambil, menjimatkan masa serta mudah digunakan berbanding kaedah sedia ada, seterusnya mampu meningkatkan produktiviti jabatan.

Kata kunci: Rakaman Percakapan, Ketepatan, Kelengkapan, Pematuhan Garis Panduan, Penjimatan Masa

Q16 E-VET PHARMA

Sasidharan Nair Raman, Mohamad Danial Izwan Muhamad Roslin, Kamaruzzaman Othman,
Ahmad Jamaluddin Al-Qasami Jusoh, Muhamad Fathi Aizad Mahmud, Mohd Fathi Abdul
Wahab, Goh Ming Yi

Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri
Perlis, Kementerian Kesihatan Malaysia

Correspondence: danializwan@moh.gov.my

ABSTRAK

Pengenalan: E-Vet Pharma bertujuan meningkatkan kesedaran pemilik kedai haiwan dan klinik veterinar terhadap kepentingan menyemak status pendaftaran ubat haiwan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui penggunaan bahan advokasi dan pendidikan digital berkaitan produk veterinar yang dapat diakses dengan mudah dan membantu ke arah penjualan produk yang sah dan selamat. **Objektif:** Memberikan pendidikan kepada pemilik kedai haiwan dan klinik veterinar di Perlis bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman berkaitan penggunaan produk veterinar yang berdaftar dengan KKM. E-Vet Pharma menyediakan platform digital yang mengandungi maklumat interaktif yang mudah diakses dan digunakan. **Kaedah:** E-Vet Pharma menggunakan strategi *Design Thinking*, sesi sumbang saran dan kaedah analisis SMART. Platform ini dibangunkan dengan mewujudkan infografik berkenaan maklumat berkaitan produk veterinar menggunakan *Google Sites*. Tinjauan dan temu bual terhadap orang awam, pemilik kedai haiwan dan klinik veterinar telah dilaksanakan daripada Ogos 2024 hingga Julai 2025 yang melibatkan sebanyak 64 responden dan 12 premis kedai haiwan/klinik veterinar. **Keputusan:** Penggunaan E-Vet Pharma oleh pemilik kedai haiwan dan klinik veterinar untuk memperoleh informasi berkenaan pendaftaran produk veterinar telah meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman mereka kepada 93.75% daripada sebelum penggunaan E-Vet Pharma iaitu 46.25%. Tinjauan Kepuasan Pelanggan mendapati sebanyak 90% pemilik kedai haiwan, klinik veterinar dan Pegawai Penguatkuasa Farmasi Negeri Perlis yang menggunakan E-Vet Pharma sangat bersetuju ia mudah digunakan dan mudah diakses manakala 100% sangat bersetuju maklumat di E-Vet Pharma lengkap dan bermaklumat serta mesra pengguna. **Potensi Pengembangan:** E-Vet Pharma memiliki potensi untuk direplikasi dan diperluaskan ke negeri lain. **Kesimpulan:** Projek ini telah berjaya mencapai objektifnya untuk meningkatkan kefahaman dan kesedaran pengguna tentang produk veterinar yang berdaftar dengan KKM.

Kata kunci: E-Vet Pharma, Produk Veterinar, Kedai Haiwan, Klinik Veterinar